

## **Faedah Penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kepada Golongan OKU: Kajian Terhadap Guru Peserta Pendidikan Khas Integrasi Di Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHL)**

SalmiahMohdSalleh  
Kolej Komuniti Hulu Langat  
salmiah@kkhl.edu.my

Wan Noor Elyana Wan Mohamed  
Kolej Komuniti Hulu Langat  
noorelyana@kkhl.edu.my

YuzilawatiMohamadYunus  
Kolej Komuniti Hulu Langat  
yuzilawati@kkhl.edu.my

### **Abstract**

Lifelong Learning Program (PSH) is not a new agenda of a country or an institution and has long been implemented through formal or informal practice all over the world. In Malaysia, PSH programs is offered by majority of higher educational institutions for the purpose of upgrading the community skills and knowledge as well as to improve the socio-economic status. Generally, the implementation of this PSH program have been identified to be very beneficial to every layer of community. In KKHL, the PSH program has received a positive responses from various groups including the disabled. Therefore, it can be implied that the implementation of several PSH programs involving special education students for learning disability at KKHL have contributed to the improvement of these students' knowledge and skills. Hence, this study was conducted to identify the benefits of PSH program towards special education students. A total of 8 respondents from this study were chosen from the special education skills teachers who were involved as the participant in the program and were interviewed for the purpose of the study. The findings manage to identify 5 benefits of PSH program in KKHL on special education students. Among the benefits identified are in terms of experience, teaching and learning facilities, diversity of courses, teaching skills and job opportunities. The result of this study is expected to provide additional information to other daily secondary schools as well as a stepping-stone to increase the percentage of PSH program involvement among learning disability community in the future.

Keywords: special education integration, problem solving, short course

### **Abstrak**

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bukanlah agenda baru negara mahupun sesebuah institusi. Ia sudah lama dilaksanakan sama ada dalam bentuk formal atau tidak formal. Di Malaysia, institusi pendidikan tinggi banyak menawarkan program PSH bagi tujuan peningkatan kemahiran dan pengetahuan serta taraf sosio-ekonomi masyarakat. Pelaksanaan program PSH ini sememangnya amat bermanfaat kepada setiap golongan masyarakat. Di KKHL, program PSH telah mendapat sambutan dari pelbagai golongan termasuk dari kalangan OKU. Pelaksanaan beberapa program PSH bersama pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran di KKHL ini pastinya telah menyumbang kepada peningkatan ilmu dan kemahiran pelajar. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji faedah penyertaan program PSH kepada pelajar pendidikan khas. Seramai 8 orang responden bagi kajian ini dipilih dari kalangan guru kemahiran khas yang sama-sama terlibat sepanjang pelaksanaan program. Satu temubual telah dijalankan terhadap semua responden yang telah dipilih sebelum ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 5 faedah penyertaan program PSH di KKHL kepada pelajar

pendidikan khas. Antara faedah penyertaan yang dikenalpasti adalah dari segi pengalaman, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, kepelbagaian kursus, kemahiran guru dan peluang pekerjaan. Kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada sekolah menengah harian yang lain serta menjadi batu loncatan bagi membantu meningkatkan peratus penglibatan program PSH dari kalangan golongan OKU bermasalah pembelajaran pada masa akan datang.

Kata Kunci: pendidikan khas integrasi, bermasalah pembelajaran, kursus pendek

## **1.0 Pendahuluan**

Kolej Komuniti telah sinonim dengan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) sejak penubuhannya pada tahun 2001. Bagi merealisasikan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat, kolej komuniti telah menyediakan pelbagai kursus jangka pendek kepada pelbagai golongan masyarakat, jantina, agama dan pendidikan. Ini bermakna, golongan OKU juga boleh menyertai program PSH di kolej komuniti. Kelainan upaya serta kekurangan diri bukanlah penghalang untuk menuntut ilmu. Maka tidak hairanlah penyertaan program PSH bagi golongan OKU di KKHL pada setiap tahun amat mengalakkan. Menyedari peningkatan penyertaan golongan ini, KKHL telah berkolaborasi dengan dua buah sekolah menengah harian sejak tahun 2015 dan bertambah kepada 3 buah sekolah menengah harian pada tahun 2016. Antara sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko, Sekolah Menengah Kebangsaan Yaacob Latif dan Sekolah Menengah Kebangsaan Miharja. Kolaborasi ini bertujuan bagi menggalakkan penyertaan pelajar pendidikan khas dalam program PSH dengan memberikan tawaran harga yang berpatutan, program yang terancang dan bersesuaian dengan minat serta kemampuan pelajar. Pelajar hanya dikenakan bayaran kos bahan beserta yuran hasil kerajaan sebanyak RM1.00 sejam bagi setiap kursus yang disertai dan fokus hanyalah kepada pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran dari Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). PPKI secara umumnya adalah untuk mendidik murid-murid yang secara fizikalnya normal tetapi lemah dalam pembelajaran iaitu lembam. Kelas khusus untuk murid berkeperluankhas ini disediakan di sekolah arus perdana dan guru yang mengajar telah mendapat pendidikan dalam pendidikan khas. Bermula tahun 2011 lagi pelbagai kursus PSH yang telah dilaksanakan bersama golongan OKU untuk pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ini. Namun pelaksanaan kursus PSH tidak dilaksanakan secara terancang dan berkala. Bermula pada tahun 2015, KKHL telah melaksanakan program PSH bersama dua buah sekolah menengah harian yang berhampiran iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko dan Sekolah Menengah Kebangsaan Yaacob Latif. Bilangan sekolah bertambah pada tahun 2016, apabila Sekolah Menengah Kebangsaan Miharja pula terlibat dengan program PSH bersama KKHL. Pelaksanaan program PSH ini dirancang dan pemilihan kursus ditetapkan mengikut keperluan dan kemampuan pelajar PPKI. Sepanjang tahun 2015 dan 2016 sahaja, sebanyak 693 peserta dari kalangan pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran telah menyertai program PSH di KKHL (Laporan PSH KKHL, 2016) . Selain itu, penggunaan kemahiran serta fasiliti sedia ada di KKHL juga membolehkan yuran kursus yang minima dikenakan kepada peserta.

## **2.0 Penyataan masalah**


Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) telah menetapkan 6 golongan sasaran peserta yang menyertai program PSH di kolej komuniti. Antara golongan sasaran yang terlibat adalah golongan orang kurang upaya, berpendapatan rendah, warga emas, ibu tunggal, belia dan orang asli (EpsH online, 2017). Matlamat utama penetapan golongan sasaran ini adalah untuk menyokong pelbagai dasar seperti Dasar Warga Emas Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Belia Negara dan lain-lain. Bagi menyokong sasaran yang ditetapkan oleh JPKK, Kolej Komuniti Hulu Langat telah banyak menganjurkan program PSH kepada peserta dalam kalangan golongan OKU. Terdapat beberapa sekolah pendidikan khas di sekitar Selangor yang mengikuti program PSH anjuran KKHL secara tetap setiap tahun.

Kategori pelajar pendidikan khas yang terpilih pula adalah terdiri dari kalangan yang bermasalah pembelajaran. Pasti mereka memperoleh faedah daripada penyertaan program PSH. Namun begitu, bilangan sekolah yang terlibat dengan program PSH untuk golongan OKU dalam kalangan pelajar pendidikan khas masih tidak menggalakkan. Terdapat sebanyak 25 buah sekolah menengah harian yang menawarkan PPKI di wilayah persekutuan (Portal Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2017). Bagi kawasan Bangsar atau Pudu sahaja, sebanyak 11 sekolah yang menawarkan program PPKI tetapi hanya 3 buah SMK harian sahaja yang menyertai program PSH di KKHL. Ini menunjukkan masih terdapat sekolah yang tidak mempunyai pendedahan tentang kursus PSH yang ditawarkan di Kolej Komuniti. Mereka perlu diberi kesedaran tentang faedah penyertaan program PSH di Kolej Komuniti untuk golongan OKU. Justeru itu, kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengetahui kepelbagaian faedah daripada penyertaan program PSH kepada peserta melalui persepsi guru pendidikan khas. Di harap kajian ini kelak akan dapat menarik lebih banyak penyertaan golongan OKU dalam kursus PSH di Kolej Komuniti. Hasil kajian juga diharap dapat dijadikan sebagai panduan kepada pembekal latihan dan kursus PSH untuk mengenalpasti latar belakang serta bidang kursus yang sesuai serta paling mendapat tempat di hati golongan OKU.

## **3.0 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi melihat faedah penyertaan program PSH kepada pelajar pendidikan khas integrasi di Kolej Komuniti Hulu Langat.

#### 4.0 Kerangka Konseptual



**Rajah 1:** Kerangka Konseptual, Adaptasi dan ubahsuai dari Model Gagne. *Differentiate Model of Giftedness and Talent (DMGT)*

Pada dasarnya setiap manusia dilahirkan dengan bakat yang tersendiri. Namun potensi dan bakat dalam diri tersebut perlu dikembangkan. Bagi pelajar pendidikan khas, bakat tidak dapat ditonjolkan kerana terdapat kelemahan diri yang dikategorikan sebagai bermasalah pembelajaran. Melalui Model Gagne, kebolehan semulajadi pelajar pendidikan khas dapat dikembangkan menjadi bakat jika diberi latihan dan pengukuhan. Pelajar juga perlu mempunyai motivasi dan minat disamping memperoleh dorongan daripada ibu bapa, guru-guru mahupun rakan-rakan. Menurut Crow (1980), minat adalah daya penggerak yang mendorong pelajar supaya memberi perhatian kepada seseorang dan juga tugas. Oleh itu pelajar yang mempunyai minat yang tinggi akan lebih bersemangat serta bekerjasama dengan baik sepanjang program berlangsung. Program PSH yang dirancang secara tersusun antara KKHL dan pihak pengurusan sekolah ini juga boleh menjurus ke arah peningkatan bakat pelajar seterusnya boleh memberi peluang perniagaan serta pekerjaan kepada pelajar. Bukan pelajar sahaja dijangka menerima impak positif, malah guru dan sekolah juga memperoleh faedah dari penyertaan program PSH.

#### 5.0 Kajian Literatur

##### 5.1 Definisi OKU

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, “OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”. Terdapat 7 kategori OKU yang boleh dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Kurang Upaya Pendengaran, Kurang Upaya Penglihatan, Kurang Upaya Pertuturan, Kurang Upaya Fizikal, Masalah Pembelajaran, Kurang Upaya Mental dan Kurang Upaya Pelbagai (JKM, 2017).

### **5.1.1 Masalah Pembelajaran**

Masalah pembelajaran dilihat sebagai masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, Sindrom Down, dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti Autisme, hiperaktif dan masalah pembelajaran spesifik seperti (Dyslexia, Dyscalculia dan Dysgraphia) (JKM, 2017).

### **5.2 Pendidikan khas**

Pendidikan khas merupakan perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang disediakan untuk individu berkeperluan khas atau kurang upaya. Kategori individu kurang upaya yang perlu mengikuti program dan perkhidmatan pendidikan khas terdiri daripada mereka yang mengalami kecacatan mental, bermasalah pembelajaran, gangguan emosi dan tingkah laku, gangguan komunikasi, hilang pendengaran, hilang penglihatan atau darjah penglihatan yang rendah, kecacatan fizikal dan golongan pintar cerdas. Di Malaysia, Pendidikan khas dalam konteks Kementerian Pelajaran Malaysia dilaksanakan melalui sekolah khas untuk murid-murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran.

#### **5.2.1 Program pendidikan khas**

Program pendidikan khas integrasi disediakan untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan. Program tersebut diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah serta sekolah menengah teknik atau vokasional. Program pendidikan khas yang ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melibatkan pendidikan peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Pendidikan peringkat menengah menyediakan dua jenis aliran iaitu akademik dan teknik atau vokasional. Manakala tempoh pengajian bagi murid-murid berkeperluan khas sekolah rendah selama enam tahun, sementara bagi sekolah menengah selama lima tahun. Namun demikian, tempoh tersebut boleh dilanjutkan sehingga maksimum dua tahun mengikut keperluan murid-murid berkenaan.

### **5.3 Program Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Menurut Pelan Induk PSH Peringkat Nasional, (2010-2020), Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan tonggak ke 3 selepas pendidikan peringkat sekolah dan peringkat tertiar. PSH memberikan pilihan hidup yang lebih luas justeru meningkatkan kualiti hidup rakyat. Bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi, PSH membolehkan warga Malaysia mendapat ilmu dan kemahiran. PSH mampu mengembeleng potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran. PSH juga boleh memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna. Menerusi PSH, pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat.

## **5.4 Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti**

Menurut Razzatul (2013), Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja bagi memenuhi keperluan individu dan guna tenaga disamping mewujudkan masyarakat yang aktif dan saksamaan sosial. Dalam Buku Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti 2013-2015, Kolej Komuniti (KK) telah ditubuhkan melalui Memorandum No. 398/2225/00 yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan kepada Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000. 12 buah kolej komuniti rintis telah mula beroperasi pada tahun 2001. Pada tahun 2004, Kabinet telah bersetuju menjadikan kolej komuniti sebagai Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat.

## **6.0 Metodologi Kajian**

### **6.1 Skop Kajian**

Responden bagikajian initerdiri dari kalangan guru pendidikan khas yang terlibat dengan perlaksanaan program PSH bersama Kolej Komuniti Hulu Langat. Guru-guru dipilih sebagai responden kerana pelajar pendidikan khas sukar untuk menjawab soalan terbuka tanpa panduan dan dorongan penyelidik.

### **6.2 Sampel Kajian**

Sampel kajian terdiri dari kalangan guru pendidikan khas dari tiga buah sekolah menengah harian yang menawarkan program pendidikan khas integrasi untuk pelajar bermasalah pembelajaran. Sebanyak 8 responden yang telah dipilih bagi mendapatkan data untuk objektif kajian ini.

### **6.3 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara tidak berstruktur iaitu soalan terbuka kepada responden. Dalam soalan terbuka ini, responden bebas untuk menentukan jawapan dalam ruangan yang disediakan. Responden menjawab dengan jawapan sendiri tanpa panduan dan dorongan dari penyelidik. Melalui soalan begini penyelidik akan mendapat jawapan yang jelas daripada peserta kerana peserta bebas untuk menjawab soalan berdasarkan apa yang difahaminya.

## **7.0 Analisis Dapatan Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan pengalaman guru kemahiran khas dari sekolah menengah harian yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran yang pernah bekerjasama dalam program PSH untuk pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran di KKHL pada tahun 2015hingga tahun 2016. Ini supaya maklumat yang diperolehi adalah daripada tempoh yang sesuai bagi mengetahui faedah penyertaan program PSH ini kepada pelajar bermasalah pembelajaran. Kaedah temubual digunakan untuk mendapatkan maklumat faedah penyertaan program PSH daripada guru-guru kemahiran khas.

## 7.1 Dapatan Kajian

### 7.1.1 Objektif Kajian

1: Mengetahui faedah penyertaan program PSH kepada pelajar pendidikan khas integrasi di Kolej Komuniti Hulu Langat.

Keseluruhan responden yang terlibat adalah terdiri daripada guru-guru perempuan. Bilangan guru perempuan yang ramai mengajar kelas pendidikan khas ini mungkin kerana guru-guru perempuan mempunyai tahap kesabaran, prihatin, lemah lembut dalam mengajar dan melayani karenah golongan istimewa ini. Hubungan kepenyayangan amat mustahak dalam hubungan guru-murid bagi murid-murid bekeperluan khas. Hasil kajian menunjukkan terdapat 5 faedah penyertaan program PSH ini kepada pelajar pendidikan khas integrasi dari persepsi guru pendidikan khas. Antara faedah yang disenaraikan oleh responden adalah dari segi:

#### i. Pengalaman

Penglibatan peserta pendidikan khas dengan program PSH telah memberi pengalaman yang baru kepada mereka. Jadual 1 menunjukkan faedah penyertaan program PSH kepada pelajar pendidikan khas dari segi pengalaman.

**Jadual 1:** Faedah Dari Segi Pengalaman

BIL	RESPONDEN	KOMEN
1.	Responden 1	Penting untuk beri pengalaman kepada pelajar. Memberi pendedahan kepada pelajar cara menggunakan mesin, kerana tiada modul penggunaan mesin.
2.	Responden 4	Boleh beri pengalaman baru pada pelajar dan juga guru.
3.	Responden 2	Pelajar memang dah ada jual kuih dalam <i>family</i> , cikgu cuma nak tambah nilai kepada pelajar.

#### ii. Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran

Sebanyak 3 responden berpendapat melalui program PSH yang disertai oleh pelajar, mereka memperoleh manfaat dari segi guna sama kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Jadual 2 menunjukkan faedah penyertaan program PSH dari segi kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

**Jadual 2:** Faedah Dari Segi Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran

BIL	RESPONDEN	KOMEN
1.	Responden 2	Menampung kelemahan sekolah seperti kemahiran guru dan juga kemudahan. KKHL membantu sekolah dari segi peralatan
2.	Responden 5	pdp kerana sekolah hanya ada satu mesin jahit sahaja. Sekolah hanya ada satu oven sahaja, yang lain dah rosak. Bila belajar di KKHL pelajar
3.	Responden 6	dapat gunakan kemudahan KKHL jadi masa belajar lebih singkat dan ramai pelajar boleh terlibat.

Menurut Sharifah Alwiyah (1985), pencapaian pelajar akan menjadi lebih baik dengan persekitaran dan suasana bilik darjah yang sesuai dengan bilangan pelajar. Susun atur meja, kerusi dan peralatan adalah faktor keselesaan yang akan mempengaruhi pencapaian pelajar sama ada secara langsung atau sebaliknya.

iii. **Kepelbagaian Kursus**

Program PSH yang dirancang juga boleh dipelbagaikan mengikut permintaan peserta. Jadual 3 menunjukkan sebanyak 2 responden yang berpendapat pelajar memperoleh faedah dari segi kepelbagaian kursus dengan menyertai program PSH di KKHL.

**Jadual 3:** Faedah Dari Segi Kepelbagaian Kursus

BIL	RESPONDEN	KOMEN
1.	Responden 3	Bantu pelajar untuk dapatkan Sijil Kemahiran Malaysia dari segi penyediaan folio.
2.	Responden 7	Dedahkan pada pelajar kemahiran yang tiada dalam kurikulum, contohnya seperti jahitan manik yang tiada dalam kurikulum.

Kerjasama antara agensi seperti KKHL dan sekolah dapat membantu memantapkan kurikulum untuk pelajar pendidikan khas. Sumbangan KKHL dari aspek penawaran kursus yang tidak dilaksanakan di sekolah dengan harga yang berpatutan banyak memberi faedah kepada pelajar. Menurut Kamarulzaman (2007), kita tidak seharusnya membiarkan kumpulan yang tidak bernasib baik ini terasing dalam masyarakat. Seperti juga pendidikan di sekolah dan pembelajaran sepanjang hayat yang sepatutnya memerlukan kerjasama antara sekolah dan agensi lain.

iv. **Kemahiran Guru**

Jadual 4 menunjukkan faedah penyertaan program PSH dari segi kemahiran guru. Kemahiran guru dalam melatih pelajar dalam bidang kemahiran terpilih dapat ditingkatkan dengan pelaksanaan program PSH



di KKHL. Setiap kali pelajar dilatih, guru akan turut serta bagi meningkatkan kemahiran diri masing-masing.

**Jadual 4:** Faedah Dari Segi Kemahiran Guru

BIL	RESPONDEN	KOMEN
1.	Responden 2	Menampung kelemahan sekolah seperti kemahiran guru dan juga kemudahan. Beri nilai tambah pada pelajar dan guru
2.	Responden 5	untuk Sijil Kemahiran Malaysia. Guru turut guna sijil penyertaan dari KKHL untuk mohon Sijil Kemahiran Malaysia.
3.	Responden 1	Guru belajar kemahiran tambahan.

Melalui pemerhatian dan temubual didapati kebanyakan guru pendidikan khas tidak terlatih untuk membimbing pelajar dalam bidang-bidang kemahiran tertentu. Sedangkan program integrasi yang disertai oleh pelajar adalah bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar sebagai persediaan untuk berdikari atau bekerja selepas alam persekolahan. Disokong oleh kenyataan dari Cikgu Yap, “Kebanyakan guru-guru kemahiran khas tidak mempunyai sijil khusus dalam bidang kemahiran yang perlu diberikan kepada pelajar”. Oleh yang demikian, melatih dan menyediakan guru-guru khas yang mahir dalam bidang kemahiran tertentu bagi mendidik pelajar-pelajar berkeperluan khas ini adalah satu keperluan.

#### v. Peluang Pekerjaan

Pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran perlu didedahkan kepada realiti kehidupan setelah tamat persekolahan melalui satu program yang sistematik. Persediaan kerjaya amat penting kepada pelajar berkeperluan khas ini. Tanpa latihan pekerjaan di sekolah, peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah rendah. Ward et al. (2003) menyatakan membuat perancangan dan pilihan mengenai apa yang perlu dilakukan selepas tamat persekolahan merupakan cabaran pada setiap remaja tetapi cabaran lebih berganda untuk remaja bermasalah pembelajaran ketika peralihan dari alam sekolah ke selepas persekolahan.

Jadual 5 menunjukkan faedah program PSH dari segi peluang pekerjaan. Matlamat utama sekolah melaksanakan program PSH bersama KKHL adalah untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan ilmu kemahiran sebelum menamatkan alam persekolahan. Latihan asas yang dipelajari oleh pelajar merupakan persediaan ke alam kerjaya nanti supaya mereka dapat bekerja dengan selamat dan teratur. Dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022, di bawah pelan strategik 2 adalah memperkasa ekonomi golongan okudengan meningkatkan penyertaan golongan oku dalam pasaran pekerjaan terbuka, inklusif dan boleh diakses bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan menyumbang kepada pembangunan Negara.

**Jadual 5:** Faedah Dari Segi Peluang Pekerjaan

BIL	RESPONDEN	KOMEN
1.	Responden 2	Kalau ikutkan nak kemahiran vokasional untuk lengkapkan pelajar ke arah kerjaya.
2.	Responden 2	Pelajar belajar asas disiplin kerja untuk tempat kerja nanti. Sekolah cuba bekalkan sebanyak latihan asas untuk pelajar bersedia alam kerjaya nanti supaya dapat bekerja dengan selamat dan teratur.
3.	Responden 8	Pelajar bukan sahaja belajar semasa kursus, malah kemahiran yang dipelajari masih dipraktikkan di sekolah. Ada yang boleh menjahit manik pada tudung guru. Namun, guru perlu melakar corak terlebih dahulu.
4.	Responden 3	Hasil kursus roti yang dipelajari, pelajar didedahkan dengan perniagaan di mana mereka membuat sendiri roti & menjualnya di sekolah
5.	Responden 7	Pelajar buat <i>key chain</i> yang dipelajari dari kursus felt craft untuk dijual semasa hari terbuka sekolah.
6.	Responden 5	Dengan KKHL dapat sijil-sijil kursus, sijil-sijil tu boleh digunakan sebagai sokongan untuk mohon bagi dapatkan modal bisnes pelajar nanti.
7.	Responden 6	

## 8.0 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, Program PSH anjuran KKHL dan sekolah pendidikan khas dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dari maklumbalas yang diberikan oleh guru yang terlibat sama dengan pelaksanaan program didapati Program PSH ini amat penting kepada pelajar pendidikan khas integrasi. Antara faedah penyertaan yang dikenalpasti adalah dari segi pengalaman, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, kepelbagaian kursus, kemahiran guru dan peluang pekerjaan. Walaubagaimanapun faedah penyertaan adalah berbeza mengikut individu dan program PSH yang disertai. Pendedahan dalam penggunaan mesin di dalam salah satu program PSH dilihat oleh guru pendidikan khas sebagai pengalaman yang amat berharga kepada pelajar kerana kemudahan pengajaran dan pembelajaran seperti mesin jahit di sekolah adalah sangat minima. Begitu juga dengan kemudahan lain seperti oven yang merupakan keperluan utama bagi program kemahiran dalam bidang masakan.

Program PSH ini telah membantu meluaskan jaringan sosial antara warga OKU dan masyarakat. Secara tidak langsung juga telah memberi pulangan kepada KKHL dari aspek jaringan dan kerjasama dengan komuniti. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam, KKHL mempunyai tanggungjawab untuk mengembangkan dan membudayakan aktiviti-aktiviti ilmiah yang boleh dicapai oleh komuniti setempat. Program

secara terancang bersama golongan sasaran iaitu OKU seperti dari sekolah menengah kebangsaan harian ini wajar diteruskan oleh institusi pengajian tinggi awam yang lain. Ini bagi menyokong Selain itu, beberapa sekolah menengah kebangsaan harian ini juga terlibat mempamerkan hasil kraftangan pelajar ketika karnival bersama komuniti di KKHL. Kerjasama ini diharap dapat mengeratkan jaringan kolaborasi antara KKHL dan sekolah yang terlibat. Ruang dan peluang perlu diberikan kepada pelajar pendidikan khas integrasi untuk menyumbang dalam aktiviti pameran dan jualan supaya mereka memperolehi pengalaman untuk kehidupan sebenar di luar bersama masyarakat. Disamping itu, aktiviti ini telah meningkatkan nilai golongan OKU bahawa mereka juga boleh bersaing dan menyumbang dalam K-ekonomi.

Secara keseluruhannya, penyertaan dalam program PSH di KKHL berupaya meningkatkan kapasiti bakat di samping menyumbang kepada kesejahteraan golongan OKU itu sendiri. Kemahiran yang diperolehi dalam penyertaan kursus dapat membantu dari segi menambah punca pendapatan serta mengurangkan kebergantungan.

## 9.0 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini hanya menjurus kepada faedah penyertaan Program PSH di KKHL bagi pelajar pendidikan khas integrasi bermasalah pembelajaran dari sekolah menengah kebangsaan harian. Maka faedah tersebut hanya dari pengalaman responden berdasarkan kursus yang disertai di KKHL sahaja. Bagaimanapun faedah penyertaan program PSH pastinya berbeza bagi golongan OKU yang lain terutamanya peserta yang bukan dari sekolah. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian faedah penyertaan program PSH ini boleh dilaksanakan untuk golongan OKU yang lain kerana terdapat juga penyertaan golongan ini yang datang dari kalangan komuniti setempat. Kajian faedah penyertaan ini juga boleh dikukuhkan lagi dengan mengkaji elemen yang boleh menghasilkan faedah penyertaan program PSH yang disertai. Antara elemen tersebut seperti dari tenaga pengajar, pengajaran dan pembelajaran, kursus atau program, ahli kumpulan, diri sendiri dan lain-lain lagi.

## Rujukan

Lokman, NurulQistin&Mohd Hanafi. (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 24: 73-87.

KPM (2012) Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan. Edisi ke tiga. Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Atas Talian:

<http://www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/dasar-pendidikan-kebangsaan>

KPT (2012). Buku Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti 2013-2015.

KPT (2017). Pelan IndukPembudayaaPembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Peringkat Nasional 2011-2020.

KPT (2017). Portal Pembelajaran Sepanjang Hayat. Dimuat turun daripada: <http://www.mohe.gov.my/portalpsh>

JKM (2017). Akta Orang Kurang Upaya (2008). Dimuat turun daripada: <http://www.jkm.gov.my>

JKM (2017). Pelan Tindakan OKU 2016-2022. Dimuat turun daripada: <http://www.jkm.gov.my>

Razzatulliza Zurita Rasalli, Norazila Aniah dan Amier Hafizun Ab Rashid (2013). *Cabaran Pengurusan Pembelajaran Sepanjang Hayat Ke Arah Memperkasakan Kolej Komuniti: Satu Tinjauan Di Kolej Komuniti Ledang*. Johor: KKLJ

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2017). Dimuat turun daripada: <http://jpwinkl.moe.gov.my/>

Sharifah Alwiyah (1985). *Sosiologi Pendidikan Edisi Pertama*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia.

Ward, M.J. & Kohler, P.D. (1996) Promoting self-determination for individuals with disabilities: Content and process. Dlm. Power, L.E., Singer, G.H. S. & Sowers, J. (Eds.) *On the road to autonomy : Promoting self-competence in children and youth with disabilities*. Hlm. 275-290. Baltimore: Brookes

Kamarulzaman, K. (2007). *Adult Learning for People with Disabilities in Malaysia: Provisions and Services*. Journal of Human Resource and Adult Learning, Vol. 3, Num. 2.

Crow (1980). *Teaching as an Interactive Process*. US: Wiley Publication.  
Kolej Komuniti Hulu Langat (2016). Laporan Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Selangor: KKHL